

# KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

## KENYATAAN TENDER (Terbuka)

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Malaysia sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	No Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Kelas Kepala & Sub Kepala	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak
Bekalan Air Alternatif Ke KLIA, Sepang, Selangor	KTTHA(T) 13/2009	Terbuka	PKK Kelas A  Kepala 1, Sub-Kepala 1, 3(a) dan 3(b) Kepala 3, Sub-Kepala 4 Kepala 4, Sub-Kepala 1, 2 dan 6a  Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G7 CE04, CE20 DAN CE21	RM700.00 (Tidak akan dikembalikan)	8hb Oktober 2009 9:00 pagi Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

2. Petender adalah **diwajibkan** menyertai lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada, **8 hb Oktober 2009**. Petender dikehendaki untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak **tidak layak** untuk membeli Dokumen Tender.
3. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Aras 4, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada waktu pejabat bermula **7hb Oktober 2009**.
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Asal** atau **Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan** dan **Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor Asal**. Salinan Sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor. Dokumen Tender boleh didapati bermula **9hb Oktober 2009** hingga **16 hb Oktober 2009**, pada waktu pejabat di alamat:

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,  
ARAS 4, BLOK E4/5, PARCEL E,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62668 PUTRAJAYA

Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air**.

5. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **tajuk** dan **no tender** pada **sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum** atau **pada pukul 12.00 tengahari 22hb Oktober 2009**, di alamat:

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,  
ARAS 4, BLOK E4/5, PARCEL E,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62668 PUTRAJAYA

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.